

## **PENGURUSAN KEWANGAN KELUARGA DAN KURSUS PRA PERKAHWINAN MUSLIM DI MALAYSIA**

Sharifah Nur Nusrah Syed Yassin & Suhaili Alma'amun  
sharifahnurnusrah@gmail.com\_& suhaili@ukm.edu.my  
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

### **ABSTRAK**

Kajian lepas mendapati masalah berkaitan kewangan merupakan salah satu penyebab kepada konflik perkahwinan dan penceraian. Oleh itu kursus pra-perkahwinan diperkenalkan bagi mengatasi masalah ini. Di Malaysia, modul pengurusan kewangan turut dimasukkan ke dalam kursus perkahwinan untuk orang Islam di Malaysia. Kajian ini berbeza daripada kajian lepas yang berkaitan dengan isu kursus pra-perkahwinan di mana pertama; ia hanya mengkaji kesan modul pengurusan kewangan dalam kursus pra-perkahwinan orang Islam daripada perspektif peserta kursus itu sendiri dan kedua; mengkaji amalan pengurusan kewangan peserta daripada aspek pengurusan wang dan pembuatan keputusan berkaitan kewangan selepas mereka mendirikan rumah tangga. Dapatkan kajian dijangkakan boleh membantu pihak-pihak daripada Jabatan Agama Islam Negeri dan JAKIM untuk memperbaiki kelemahan slot pengurusan kewangan dalam kursus pra-perkahwinan ini.

**Kata kunci:** pengurusan kewangan keluarga, modul kursus pra perkahwinan, JAKIM.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Penceraian dan konflik perkahwinan boleh disebabkan oleh masalah kewangan. Kajian Zainab et al. (2014) memberikan informasi berkaitan perkahwinan dan penceraian di kalangan orang Islam di Malaysia berdasarkan data yang mereka perolehi daripada JAKIM daripada tahun 1980 hingga 1990. Mereka mendapati daripada 850,654 perkahwinan di seluruh Malaysia, 167,012 pasangan telah bercerai (19.6 peratus). Beberapa faktor yang menyebabkan penceraian ditemui termasuklah ketidakcukupan pendapatan yang merupakan petunjuk yang jelas kepada wujudnya masalah kewangan di kalangan pasangan yang telah bercerai ini.

Salah satu cara bagi membantu pasangan menangani konflik antara mereka adalah dengan menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai isu melalui kursus pra-perkahwinan (Carroll & Doherty, 2003). Kursus pra-perkahwinan penting kerana hubungan yang tidak stabil boleh menyumbang kepada peningkatan tekanan dalam perkahwinan dan penceraian (Carroll & Doherty, 2003).

Kursus pra-perkahwinan telah diwajibkan bagi setiap orang Islam di Malaysia yang ingin berkahwin. Objektifnya adalah untuk memberikan pengetahuan asas bukan sahaja merangkumi aspek keagamaan tetapi juga mengenai kemahiran menyelesaikan masalah dalam konflik perkahwinan, pengurusan kewangan dan isu-isu kesihatan yang berpotensi dan mengurangkan kadar perceraian di kalangan pasangan Islam Saidon et al. (2016). Kursus pra-perkahwinan ini dijalankan oleh entiti persendirian atau Jabatan Agama Islam masing-masing di bawah Kerajaan Negeri dan modul kursus tersebut disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Kajian ini berbeza daripada kajian lepas yang berkaitan dengan kursus pra-perkahwinan di mana ia hanya memfokuskan kepada keberkesanan pengurusan kewangan keluarga yang diterapkan di dalam kursus tersebut ke atas responden. Pengurusan kewangan keluarga adalah satu topik yang luas. Objektif utama pengurusan kewangan keluarga adalah untuk mencapai kesejahteraan hidup daripada segi kewangan ahli keluarga itu sendiri. Kesejahteraan hidup tercapai apabila isu-isu kewangan yang membenggu keluarga dapat diselesaikan dan memberikan kesan positif ke atas matlamat kewangan mereka seperti nilai

asset bersih dan simpanan yang semakin meningkat atau hutang yang semakin berkurangan (Godwin, 1990).

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pandangan responden terhadap keberkesanan pengurusan kewangan dalam kursus pra-perkahwinan. Selain itu ia turut melihat amalan pengurusan kewangan yang diamalkan oleh mereka. Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu yang pertama pendahuluan. Bahagian kedua adalah kajian lepas, manakala bahagian ketiga menerangkan metodologi kajian dan cara pengumpulan data. Dapatan kajian dijelaskan di bahagian keempat. Bahagian kelima dikhususkan untuk perbincangan dan cadangan. Kesimpulan kajian pula di bahagian terakhir.

## **2.0 KAJIAN LEPAS**

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa masalah kewangan adalah antara masalah utama dalam perkahwinan dan antara punca utama yang menyebabkan perceraian. Antaranya, Silliman & Schumm (1999) mendapati masalah kewangan adalah masalah pertama atau kedua yang sering muncul dalam perkahwinan berbanding masalah lain. Dalam konteks perceraian, Dew (2011) mendapati bahawa masalah kewangan merupakan prediktor perceraian yang paling kuat berbanding punca perceraian yang lain serta terdapat perhubungan di antara masalah kewangan, kualiti perkahwinan yang negatif dan perceraian. Dapatan kajian Dew (2011) ini sama seperti dapatan kajian Poduska & Allred (2007) di mana Persatuan Badan Peguam Amerika menunjukkan 89 peratus pasangan bercerai kerana perbezaan pendapat yang timbul daripada masalah kewangan. Masalah kewangan adalah terlalu umum. Oleh itu, kajian lepas Dew et al. (2012) menjelaskan dengan terperinci apakah yang dimaksudkan dengan masalah kewangan tersebut. Mereka mendapati bahawa membelanjakan wang secara tidak bijak adalah punca perceraian yang ketiga terbesar. Perbelanjaan wang yang tidak bijak ini merupakan salah satu tabiat yang berkaitan dengan amalan pengurusan kewangan atau sistem pengurusan wang yang tidak baik.

Kajian Bader et al. (1981) pula menjelaskan tempoh masa perkahwinan yang biasanya berlaku masalah kewangan yang menyebabkan perselisihan faham. Mereka menyatakan bahawa kebanyakan pasangan yang berkahwin dalam tempoh 6 bulan menunjukkan bahawa masalah kewangan berada di kedudukan kedua daripada 14 isu perselisihan yang kerap terjadi. Dalam kajian lepas, isu kewangan di kalangan pasangan dikaji dalam dua konteks.

Pertama, pengurusan kewangan keluarga. Ia merupakan satu konteks kajian yang besar dan boleh melibatkan pelbagai komponen pengurusan kewangan keluarga seperti pembuatan keputusan keluarga mengenai pengurusan wang, tingkah laku membuat simpanan, tingkah laku dalam perbelanjaan, perancangan pelaburan, pengurusan hutang, perancangan cukai, pengurusan risiko, persaraan dan pengurusan harta pusaka (Granbois et. al, 1986; Rosen and Granbois, 1983; Pahl, 1995; Godwin, 1990). Kedua, kajian yang lebih spesifik berkait dengan pengurusan wang iaitu salah komponen pengurusan kewangan keluarga yang melibatkan pengurusan aliran tunai keluarga.

Apabila membincangkan tentang pengurusan kewangan keluarga, ada dua persoalan yang dikaji oleh pengkaji terdahulu iaitu apa yang keluarga lakukan dalam menguruskan kewangan keluarga dan siapakah yang melakukannya. Dalam konteks pengurusan wang keluarga, keluarga menguruskan wang mereka dengan melakukan perkara-perkara berikut iaitu menyediakan belanjawan bertulis dan menggunakan sistem pengurusan wang atau akaun yang tertentu. Ada kajian lepas yang mendapati isteri menjadi pengurus kewangan keluarga dan keadaan ini semakin berubah di mana kedua-dua pasangan mula mengamalkan pengurusan kewangan secara bersama-sama dalam membuat keputusan berkaitan kewangan dan melaksanakan tugas pengurusan wang yang tertentu (Godwin, 1990).

Kajian lepas menunjukkan sejauh mana pendapatan itu dikongsi bergantung kepada siapa yang menerima wang tersebut dan siapa yang memiliki wang itu. Menurut Pahl (1995), pasangan melihat pendapatan keluarga secara berbeza. Sesetengah daripada mereka lebih cenderung mengatakan pendapatan pasangan adalah milik individu, sementara ada yang berpendapat pendapatan mereka pula adalah untuk keluarga secara keseluruhan. Terdapat ideologi yang mengatakan bahawa suami atau pencari nafkah lelaki adalah yang terpenting dalam mencari pendapatan keluarga. Mereka yang memegang idea ini lebih cenderung melihat pendapatan lelaki sebagai milik keluarga berbanding pendapatan wanita. Tidak kira berapa banyak pendapatan isteri, ianya akan ditakrifkan sebagai pendapatan tambahan dan pasangan yang kurang penting sehingga pasangan itu berpegang pada pendapat suami adalah penghasil pendapatan utama (Zelizer, 1994).

Setiap pasangan biasanya mempunyai perkiraan dan perancangan tersendiri tentang perkongsian pendapatan. Perkiraan itu termasuk bentuk peruntukan pendapatan dan sistem pengurusan wang. Terdapat banyak pendekatan yang berbeza yang boleh digunakan bagi

setiap pasangan. Ianya boleh dibezakan dari dua sudut. Pertama, sebanyak mana pendapatan itu dibahagikan dan kedua, sejauh mana setiap pasangan boleh mengawal kewangan keluarga. Pahl (1980) menerangkan terdapat tiga corak sistem peruntukan pendapatan yang digunakan, iaitu sistem keseluruhan gaji, sistem elaun dan sistem pengumpulan. Seluruh sistem gaji bermakna hampir keseluruhan gaji suami diserahkan kepada isteri untuk menguruskannya dan memperuntukkan jumlah tertentu untuk kegunaan diri sendiri. Di dalam sistem elaun pula, suami memberi seberapa jumlah sebagai elaun kepada isteri untuk perbelanjaan pengurusan rumah tangga. Sementara itu, melalui sistem pengumpulan, suami dan isteri bersama-sama menguruskan dan membelanjakan pendapatan. Sistem ini biasanya diamalkan oleh pasangan yang mana kedua-duanya memperoleh pendapatan sendiri.

Dalam kajian lain, Pahl (1995) mencadangkan tujuh jenis sistem pengurusan kewangan untuk menguruskan sumber pendapatan keluarga yang agak sama dengan bentuk peruntukan pendapatan di Pahl (1980). Pertama, sistem yang dikendalikan oleh lelaki di mana suami memainkan peranan penting dalam mengawal dan membuat keputusan berkenaan isu yang melibatkan kewangan. Pengurusan wang sedemikian biasanya digunakan oleh pasangan yang berpendapatan tinggi. Sistem yang dikendalikan oleh lelaki adalah berbeza dengan sistem yang kedua yang dikenali sebagai sistem keseluruhan gaji lelaki dalam arti kata bahawa suami mempunyai tanggungjawab tunggal untuk menguruskan kewangan isi rumah dan mengakibatkan isteri yang tidak bekerja tanpa mempunyai peruntukan perbelanjaan peribadi. Ketiga, sistem yang diuruskan oleh wanita di mana isteri lebih dominan dalam membuat keputusan mengenai masalah kewangan. Pengurusan wang ini kebiasaannya diamalkan oleh pasangan berpendapatan rendah serta menjadikan peruntukan kepada perbelanjaan peribadi isteri menjadi lebih kecil. Keempat, sistem keseluruhan gaji wanita di mana tanggungjawab untuk menguruskan hal-hal kewangan dikurangkan oleh isteri. Dalam sistem ini, suami akan menyimpan sebahagian kecil pendapatannya sebagai wang poket peribadi dan menyerahkan lebihannya kepada isterinya yang mana si isteri akan menanggung jumlah yang tidak mencukupi jika dia mempunyai pendapatan sendiri.

Kelima, sistem elaun pengemasan rumah yang mana akan menghasilkan pembahagian dalam pengurusan kewangan isi rumah. Dalam sistem ini, isteri akan menerima sejumlah wang dari suami dan jika dia mempunyai pendapatan sendiri, dia boleh menambahkan jumlahnya. Isteri akan menggunakan wang yang diperuntukkan oleh suami untuk menampung perbelanjaan pengemasan. Sebaliknya, suami akan menguruskan baki gajinya

sendiri termasuk membayar barang-barang selain barang pengemasan. Keenam iaitu sistem penyatuan di mana suami dan isteri memainkan peranan yang seimbang apabila wang mereka disatukan dan diurus bersama. Kedua-dua pasangan mempunyai akses kepada semua atau hampir semua wang yang diterima dan kedua-duanya dibelanjakan dari perkongsian bersama. Akhir sekali, sistem pengurusan bebas yang mana kedua-dua pasangan mempunyai sumber pendapatan sendiri dan tidak mempunyai akses kepada semua pendapatan isi rumah. Sistem pengurusan bebas juga dibincangkan dalam Rosen dan Granbois (1983). Mereka membuktikan bahawa pasangan dalam keluarga moden di mana kedua-duanya bekerja, mereka didapati lebih cenderung untuk mengurus kewangan masing-masing secara berasingan. Dari segi corak perbelanjaan, seorang isteri cenderung membelanjakan untuk keluarga manakala suami cenderung membelanjakan untuk kegunaan peribadi (Pahl, 1980; 1995).

Burgoyne et al. (2007) mengkaji tentang sistem pengurusan kewangan yang diamalkan oleh pasangan yang berkahwin pada dua masa yang berbeza iaitu ketika melangsungkan majlis perkahwinan dan setelah satu tahun perkahwinan. Mereka mendapati majoriti responden menguruskan kewangan secara berasingan ataupun secara perkongsian untuk majlis perkahwinan. Pengurusan secara sendirian dikategorikan sebagai kawalan individu ke atas pendapatan sendiri dan tanggungjawab yang berasingan terhadap perbelanjaan. Pasangan tidak mempunyai hak keatas pendapatan keseluruhan isi rumah. Walaubagaimanapun, sistem pengumpulan separa menunjukkan bahawa pendapatan bersama pasangan diuruskan secara sendirian tetapi kedua-dua pasangan juga mempunyai hak terhadap pendapatan bersama untuk perbelanjaan kolektif seperti menampung bil isi rumah. Dalam kes ini, walaupun setiap pasangan mempunyai akaun peribadi, mereka juga bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah pendapatan mereka dipindahkan ke akaun bersama. Setelah setahun perkahwinan, majoriti pasangan akan mengumpulkan pendapatan bersama sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripada pendapatan mereka. Pasangan suami isteri yang telah pun menggabungkan semua pendapatan mereka pada waktu perkahwinan masih menggunakan sistem yang sama walaupun selepas setahun kemudian.

Burgoyne et al. (2007) menjelaskan faktor yang mempengaruhi peralihan sistem pengurusan wang pada kedua-dua perkara perkahwinan ini. Mereka mendapati bahawa peralihan kepada sistem pengumpulan adalah disebabkan faktor ekonomi seperti untuk tujuan pajak gadai dan memulakan kehidupan berkeluarga. Kefahaman tentang perkahwinan dan

peranan individu dalam hubungan adalah faktor lain yang memainkan peranan dalam memilih jenis sistem pengurusan wang tertentu (Burgoyne et al., 2007). Mereka yang menginginkan kebebasan dan berdikari dalam perkahwinan cenderung untuk mempunyai hak yang lebih tinggi untuk mengawal pendapatan mereka sendiri dan dengan itu lebih cenderung untuk menyimpan semua wang mereka dalam akaun individu atau untuk menampung hanya untuk perbelanjaan bersama. Mereka yang memahami perkahwinan secara tradisional lebih cenderung untuk memilih sistem pengurusan pendapatan secara bersama kerana bagi persepsi mereka perkahwinan itu adalah perkongsian termasuk juga dari segi kewangan.

Perbincangan yang lebih terperinci mengenai sumbangan isteri kepada kewangan keluarga dalam kajian-kajian lepas adalah berbaloi untuk dikaji. Sehingga ke tahap mana sumbangan kepada keluarga bergantung atas faktor-faktor demografi, keadaan kewangan keluarga, dan pendapatan pasangan. Berkenaan dengan faktor demografi, Oropesa et al. (2003), Lee and Pocock (2007), Pahl (1995) dan Rosen and Granbois (1983) mendapati bahawa isteri yang berpendidikan dan lahir daripada keluarga yang moden lebih cenderung untuk bekerja dan menyumbang kepada pendapatan keluarga. Bonke (2008) mendedahkan bahawa keadaan ekonomi keluarga yang menekan isteri untuk bekerja samada sepenuh masa atau separuh masa untuk meningkatkan pendapatan keluarga. Sementara itu, Lemay-boucher and Dagnelie (2014) pula mendapati bahawa isteri hanya menyumbang sejumlah wang yang cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga pada masa yang diperlukan. Kajian-kajian lepas seperti Lee and Pocock (2007) mendapati bahawa kewangan keluarga adalah lebih baik apabila para isteri yang bekerja separuh masa lebih cenderung untuk menyimpan daripada berbelanja. Dari sudut tahap kawalan ke atas kewangan, isteri yang mempunyai pendapatan didapati mempunyai lebih kuasa dalam keputusan yang melibatkan kewangan daripada isteri yang tidak mempunyai pendapatan. (Pahl, 1995). Ini adalah selari dengan Rogers and Schlossman (1990) dan Pahl (2000) di mana mereka membuat kesimpulan bahawa lebih besar bahagian pendapatan isi rumah yang disumbangkan wanita, lebih besar kuasa yang diperolehi untuk membuat keputusan berkaitan kewangan.

Kajian lepas juga turut membincangkan peranan ahli keluarga yang lain dalam konteks sumber pendapatan. Sebagai contoh, remaja juga turut menyumbang kepada pendapatan keluarga, khususnya mereka yang mempunyai latar belakang keluarga yang miskin, ibu bapa yang kurang berpendidikan, keluarga yang besar (Bahar, 2014) dan mereka yang berhenti sekolah (Buchmann, 2015). Jumlah sumbangan remaja kepada keluarga

berbeza mengikut umur dimana remaja yang lebih tua mempunyai pendapatan yang lebih besar dan sumbangan yang lebih banyak (Bahar, 2014). Kesimpulannya, setiap ahli keluarga boleh menyumbang kepada pendapatan keluarga. Namun begitu, tahap sumbangan yang diberikan berbeza disebabkan oleh beberapa faktor seperti jantina, demografik, saiz keluarga, dan ekonomi. Suami merupakan penyumbang utama kepada pendapatan keluarga sementara isteri dan anak-anak akan membantu untuk meningkatkan pendapatan. Walaubagaimanapun, jika pendapatan keluarga adalah mencukupi, isteri tidak terbeban untuk bekerja (Bonke, 2008; Lee dan Pocock, 2007) begitu juga remaja (Bahar, 2014; Buchmann, 2015).

Kajian lepas seterusnya membincangkan apakah penyelesaian kepada permasalahan ini. Antaranya ialah melalui kursus pra-perkahwinan. Secara umumnya, kebanyakan pasangan menunjukkan kecenderungan untuk mengambil mudah kelemahan pasangan dan ini akan memberi kesulitan dalam memahami pasangan tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, kursus pra-perkahwinan dapat membantu pasangan memahami dan mengatasi krisis perkahwinan sekiranya ia muncul dalam hubungan mereka. Kursus pra-perkahwinan adalah berkaitan dengan langkah pencegahan sebelum berumah tangga. Kursus ini disediakan sebagai memberi pengetahuan awal kepada pasangan berkenaan maklumat serta cara untuk mempertahankan dan memperbaiki hubungan mereka setelah mereka berkahwin (Senediak, 1990). Biasanya kandungan kursus pra-perkahwinan meliputi topik-topik berikut iaitu komunikasi, penyelesaian konflik, peranan dalam perkahwinan, komitmen, pengurusan kewangan, seksual, keibu-bapaan dan asal usul keluarga pasangan (Killawi et al., 2017). Dapatkan kajian ini adalah hasil penilaian ke atas 20 program kursus pra-perkahwinan. Terdapat juga topik berkaitan kerohanian seperti yang dinyatakan di dalam Senediak (1990). Untuk topik yang berkaitan dengan kewangan, Silliman dan Schumm (1999) menerangkan sub-sub topik yang dibincangkan di dalam kursus pra-perkahwinan adalah seperti pengurusan wang, perumahan, insuran dan hutang.

Program kursus pra-perkahwinan ini telah menjadi tumpuan dasar awam dan antarabangsa kerana beberapa negara telah mencadangkan dan menawarkan insentif yang memerlukan setiap pasangan menyertai kursus pra-perkahwinan (Carroll & Doherty, 2003). Ini termasuklah Malaysia bagi kes orang Islam yang ingin berkahwin. Menurut Saidon et al. (2016), di Malaysia, prosedur permohonan perkahwinan memerlukan pasangan untuk mendapatkan sijil kursus pra-perkahwinan. Untuk mendapatkan sijil, pasangan perlu menghadiri dan menyempurnakan modul selama dua hari atau 13 jam. Pengkaji ini

menyatakan bahawa dua hari atau 13 jam adalah tidak mencukupi dan ia akan menjelaskan keberkesanan kursus pra-perkahwinan tersebut. Oleh itu, mereka mencadangkan bahawa tempoh untuk melengkapkan kursus perlu diperluaskan untuk merangkumi semua topik. Sebagai contoh, tempoh kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan oleh gereja Malaysia menyediakan Kursus Persediaan Perkahwinan Katolik selama tujuh minggu.

Menurut Saidon et al. (2016), walaupun kursus pra-perkahwinan diwajibkan di Malaysia, masih terdapat juga pengecualian untuk orang tertentu untuk tidak menghadiri kursus ini. Pengecualian yang diberikan adalah berbeza antara negeri-negeri, seperti di negeri Selangor, pengecualian diberikan kepada orang yang pernah berkahwin dan bercerai yang berumur 40 tahun keatas, orang kurang upaya, orang asing yang tidak faham bahasa Melayu, dan Pendaftar Perkawinan. Sementara itu di Negeri Kedah, pengecualian yang diberikan adalah sama seperti Selangor dengan had umur lelaki untuk 40 tahun dan 45 tahun untuk wanita. Namun, di wilayah persekutuan, lelaki yang berumur lebih dari 45 tahun dan wanita berumur lebih dari 40 tahun sama ada mereka bercerai atau tidak, mereka adalah tidak dikecualikan daripada menghadiri kursus pra-perkahwinan. Manakala bagi negeri Johor, had umur adalah 50 tahun bagi lelaki dan 45 tahun bagi wanita. Bagi negeri Kelantan pula, pengecualian diberikan kepada mereka yang mempunyai latar belakang dalam pengajian Islam seperti mempunyai Sijil Menengah Ugama (SMU), atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), ijazah pengajian Islam dan mereka yang sekurang-kurangnya 5 tahun belajar di sekolah tradisional Islam (sekolah pondok).

Walau bagaimanapun, Saidon et al. (2016) mencadangkan pengecualian yang sepatutnya tidak diberikan kepada mereka yang mempunyai latar belakang dalam pengajian Islam atau pengetahuan Syariah, kerana kursus ini dapat membantu mereka menghadapi kehidupan perkahwinan. Terdapat beberapa kemahiran yang mereka dapat dari kursus yang tidak diliputi dalam pengajian Islam mereka seperti konsep penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi bersama pasangan dan pengurusan kewangan.

### **3.0 METODOLOGI DAN PENGUMPULAN DATA**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif di mana data dikumpul melalui soal selidik bermula daripada 30 September 2015 sehingga 10 Oktober 2015. Sebanyak 462 borang soal selidik diedarkan kepada individu muslim Melayu yang berumur 18 tahun keatas, pernah

berkahwin di negeri Selangor sahaja dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak. Terdapat lima bahagian dalam soal selidik yang telah diagihkan iaitu; bahagian pengenalan responden, bahagian nafkah zahir yang disediakan oleh suami, bahagian pengurusan kewangan rumahtangga bersama pasangan, kursus pra-perkahwinan dan maklumat demografi responden serta pasangan. Kajian ini hanya membentangkan dapatan kajian berkaitan dengan maklumat demografi responden serta pasangan, pengurusan kewangan rumahtangga serta pandangan responden berkaitan kursus pra-perkahwinan. Responden asal yang menjawab soal selidik ini adalah seramai 462 orang tetapi setelah tapisan dibuat terhadap data yang diterima, hanya 400 naskah borang soal selidik sahaja yang boleh digunakan berikutnya untuk tujuan analisis.

#### **4.0 DAPATAN KAJIAN**

##### **4.1 Latar Belakang Demografi Responden**

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Responden

		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	194	48.4
	Perempuan	207	51.6
Umur Responden	18–25	27	6.7
	26–40	366	91.4
	41–56	7	1.7
	57 dan keatas	1	0.2
Umur Pasangan	18–25	28	7.0
	26–40	362	90.3
	41–56	10	2.5
	57 dan keatas	1	0.2
Tahap Pendidikan	Sekolah rendah	1	.2
	Sekolah Menengah	51	12.7
	Diploma/STPM	117	29.2
	Sarjana Muda	161	40.1

	Sarjana	63	15.7
	PhD	6	1.5
	Lain	2	.5
Status	Penjawat Awam	112	27.9
Pekerjaan	Swasta	228	56.9
Responden	Bekerja Sendiri	25	6.2
	Menganggur	4	1.0
	Surirumah	18	4.5
	Lain-lain	14	3.5
Status	Penjawat Awam	110	27.4
Pekerjaan	Swasta	214	53.4
Pasangan	Bekerja Sendiri	38	9.5
	Menganggur	12	3.0
	Surirumah	17	4.2
	Lain-lain	10	2.5
Pendapatan	bawah RM1000	31	7.7
Responden	RM1001-RM2000	72	18.0
	RM2001-RM3000	109	27.2
	RM3001-RM4000	88	21.9
	RM4001-RM5000	45	11.2
	RM5001-RM6000	28	7.0
	RM6001-RM7000	13	3.2
	RM7001-RM8000	6	1.5
	RM9001-RM10000	4	1.0
	RM10001-RM11000	3	.7
	RM11001-RM12000	1	.2
	RM12001-RM13000	1	.2
Pendapatan	bawah RM1000	24	6.0
Pasangan	RM1001-RM2000	67	16.7
	RM2001-RM3000	117	29.2
	RM3001-RM4000	72	18.0
	RM4001-RM5000	51	12.7

	RM5001-RM6000	30	7.5
	RM6001-RM7000	10	2.5
	RM7001-RM8000	8	2.0
	RM8001-RM9000	3	.7
	RM9001-RM10000	3	.7
	RM10001-RM11000	2	.5
	RM11001-RM12000	1	.2
	Saya tidak tahu	13	3.2
Bilangan	0	102	25.4
Anak	1	151	37.7
	2	90	22.4
	3	33	8.2
	4	17	4.2
	5	8	2.0
Bilangan	1	89	22.2
Isirumah	2	143	35.7
	3	95	23.7
	4	39	9.7
	5	23	5.7
	6	7	1.7
	7	2	.5
	8	2	.5
	9	1	.2
	12	89	22.2
Status	Perkahwinan kali pertama	397	99.0
Perkahwinan	Bercerai dan berkahwin semula	4	1.0
Status	Pemilikan Sendiri	199	49.6

Latar belakang demografi responden ditunjukkan pada jadual 1. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 401 orang. Responden ditanya soalan terperinci mengenai profil demografi mereka serta pasangan termasuk jantina, umur, status perkahwinan, pendidikan,

pekerjaan, jumlah pendapatan, bilangan anak serta status pemilikan rumah. Jadual menggambarkan ciri-ciri responden berhubung dengan pembolehubah ini. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual, responden lelaki adalah 48.4 peratus manakala peratus responden perempuan adalah 51.6. Seterusnya dari segi umur, majoriti responden jatuh dalam lingkungan 26 hingga 40 tahun iaitu (91.4 peratus) manakala umur pasangan responden adalah dalam lingkungan yang sama iaitu 26 hingga 40 tahun iaitu (90.3 peratus).

Berkenaan dengan tahap pendidikan, keputusan melaporkan bahawa majoriti responden mempunyai pendidikan tinggi iaitu 40.1 adalah pemegang ijazah sarjana muda, 29.2 peratus mempunyai diploma ataupun STPM 15.7 peratus adalah sarjana, 1.5 peratus adalah PhD manakala selebihnya adalah daripada mereka yang mempunyai pendidikan di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah.

Latar belakang pekerjaan responden dan pasangan dan pendapatan bulanan mereka juga ditunjukkan dalam Jadual. Majoriti responden telah bekerja (91.0 peratus). Daripada jumlah ini, mereka yang bekerja di dalam sektor swasta adalah kumpulan terbesar dengan 56.9 peratus bagi responden dan 53.4 peratus bagi pasangan, diikuti oleh mereka yang bekerja di sektor swasta 27.9 peratus bagi responden manakala 27.9 peratus bagi pasangan. Bagi yang bekerja sendiri pula, 6.2 peratus adalahh responden dan 9.5 peratus bagi pasangan.

Bagi tahap pendapatan para responden, hasil menunjukkan peratus responden dan pasangan yang memperoleh antara RM2,001-RM3,000 sebulan adalah yang terbesar iaitu sebanyak 27.2 peratus bagi responden dan 29.2 peratus bagi pasangan. Jumlah tahap pendapatan kedua terbesar adalah mereka memperoleh RM2,000 dan ke bawah (25.7 peratus) bagi responden dan 22.7 bagi pasangan. Digabungkan bersama, responden dalam kedua-dua kumpulan pendapatan ini mewakili kira-kira 56.4 peratus daripada jumlah sampel bagi responden manakala 48.4 bagi pasangan.

Bagi bilangan anak dan isi rumah, peratusan terbesar adalah terdapat pada bilangan 3 anak kebawah iaitu secara keseluruhan bagi responden yang mempunyai 3 anak atau kurang adalah 68.3 peratus manakala bagi responden yang tidak mempunyai anak adalah 25.4 peratus. Peratusan isi rumah majoriti adalah seramai 4 orang dan kebawah iaitu sebanyak 91.3 peratus.

Bagi status perkahwinan, 99.0 peratus adalah perkahwinan kali pertama dan hanya 1 peratus responden yang bercerai dan berkahwin semula.

#### **4.2 Keberkesanan topik pengurusan kewangan dalam kursus pra-perkahwinan ke atas responden**

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan

<b>Kandungan Kursus</b>	<b>Bilangan Item</b>	<b>Alpha Cronbach</b>
	8	0.952

Untuk memastikan soal selidik adalah tepat untuk mengukur keberkesanan pengurusan kewangan dalam silibus kursus pra-perkahwinan, ujian alpha Cronbach dalam SPSS telah dilakukan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen. Jadual 2 mengesahkan bahawa item soal selidik yang berkaitan dengan semua pembolehubah adalah konsisten. Nilai alfa 0.952 bermakna bahawa 8 item yang dibina untuk mengukur kandungan silibus kursus pra perkahwinan berkomunikasi secara positif antara satu sama lain.

Jadual 3: Keberkesanan Topik Pengurusan Kewangan dalam Kursus Pra Perkahwinan Ke Atas Responden

<b>Kenyataan Diberi</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Tidak bersetuju dan tidak tidak bersetuju</b>	<b>Bersetuju</b>	<b>Sangat Bersetuju</b>	<b>Min</b>
Kandungannya menambah kefahaman saya tentang pengurusan kewangan	1.4	1.8	22.9	67.0	6.9	3.7615
Memberi pemahaman yang jelas berkaitan dengan pengurusan kewangan	1.4	3.2	21.1	67.9	6.4	3.7477

Menjadikan saya lebih cermat dan berdisiplin untuk berbelanja	1.4	1.8	24.8	64.2	7.8	3.7523
Menyebabkan saya merasakan perlu membuat semakan semula untuk merancang kewangan dalam urusan perkahwinan	1.4	4.1	21.6	65.1	7.8	3.7385
Kandungannya telah membuka minda saya untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berlandaskan syariat	0.9	2.3	17.0	69.7	10.1	3.8578
Kandungannya telah membuka minda saya tentang pengurusan kewangan dalam perkahwinan	0.9	1.4	18.8	67.0	11.9	3.8761
Kandungannya telah membuka minda saya tentang pentingnya mencari rezeki yang halal untuk keberkatan dalam hidup	1.4	0	14.7	65.6	18.3	3.9954
Menyebabkan saya ingin mendalami kaedah pengurusan kewangan peribadi Islam yang berkesan di masa akan datang.	1.4	0.9	17.0	67.4	13.3	3.9037

Jadual 3 menunjukkan keberkesanan topik pengurusan kewangan dalam kursus pra-perkahwinan ke atas responden. Sebanyak lapan kenyataan telah diberikan dan responden diminta memberi skor berdasarkan skala Likert iaitu satu hingga lima. Skor bermula daripada satu yang mana membawa maksud sangat tidak setuju sehingga lima yang membawakan skala sangat setuju. Kekerapan responden yang menjawab setiap item dan min skor disenaraikan dalam Jadual 3. Min bagi kenyataan yang diberikan adalah di antara 3.7 – 3.9 yang mana menunjukkan bagi setiap kenyataan, responden bersetuju dengan kenyataan yang menggambarkan kandungan topik pengurusan kewangan tersebut bukan sahaja memberi dan menambahkan kefahaman mereka tentang pengurusan kewangan malah dari segi amalan ia turut memberikan kesan positif. Selain itu mereka juga bersetuju yang kandungan kursus berkaitan dengan pengurusan kewangan juga menyebabkan mereka mahu mendalami dan memperbaiki pengurusan kewangan masing-masing.

#### **4.3 Amalan pengurusan kewangan keluarga**

Beberapa soalan ditanya untuk melihat sama ada responden menerapkan beberapa amalan berkaitan pengurusan kewangan keluarga. Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif mengenai amalan tersebut. Satu soalan ditanya berkaitan jenis akaun dan pemilikan akaun bagi melihat sistem pengurusan wang keluarga. Dua soalan yang lain adalah berkaitan dengan pengurusan dan pembuatan keputusan kewangan dalam keluarga. Majoriti responden iaitu 82 peratus menunjukkan mereka mempunyai akaun bank yang berasingan dan tidak bersama. Bagi soalan tanggungjawab mengendalikan kewangan serta membuat keputusan mengenai kewangan yang besar, kedua-dua hasil dapatan menunjukkan majoriti responden berkongsi tanggungjawab dan membuat keputusan dengan pasangan masing-masing iaitu 41.6 dan 56.6 peratus.

Jadual 4: Sistem Pengurusan Wang Responden

<b>Soalan</b>	<b>Jenis akaun atau pemilikan akaun bank</b>			
	bersama, tidak berasingan	bersama dan berasingan	Tidak bersama, berasingan	Tiada akaun
<b>Kekerapan</b>	17	50	329	5
<b>Peratusan</b>	4.2	12.5	82.0	1.2

<b>Soalan</b>	<b>Siapa yang bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan perkara berkaitan kewangan keluarga</b>			
	Saya	Pasangan	Dibahagikan dengan pasangan	Dibuat bersama-sama
<b>Kekerapan</b>	75	53	106	167
<b>Peratusan</b>	18.7	13.2	26.4	41.6

<b>Soalan</b>	<b>Siapa yang bertanggungjawab membuat keputusan kewangan yang besar</b>			
	Saya	Pasangan	Dibahagikan dengan pasangan	Dibuat bersama-sama
<b>Kekerapan</b>	68	50	56	227
<b>Peratusan</b>	17.0	12.5	14.0	56.6

## **5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Seperti individu, keluarga juga hendaklah mengamalkan pengurusan kewangan yang baik. Bezanya, keluarga perlu bertindak sebagai satu pasukan dalam menguruskan hal-hal berkaitan kewangan. Ini bagi mengelakkan ketidakpuasan antara pasangan sehingga menjelaskan keharmonian rumah tangga. Contohnya, pasangan bersama-sama mengendalikan dan membuat keputusan mengenai kewangan keluarga. Amalan baik ini diterapkan oleh majoriti responden di dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati sistem pengurusan wang yang diamalkan oleh majoriti responden lebih kepada akaun berasingan. Majoriti daripada mereka tidak mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun bersama. Walaupun begitu, kajian ini tidak boleh mengandaikan yang sistem pengurusan wang yang dipilih ini menunjukkan yang mereka tiada kerjasama atau berkongsi dalam menguruskan wang keluarga. Ini kerana majoriti daripada responden membuat keputusan dan melaksanakan tanggungjawab berkaitan kewangan secara bersama-sama. Ini disokong oleh kajian lepas seperti Burgoyne et al. (2007) menyatakan pasangan masih berkongsi dalam membayar bil dan perbelanjaan keluarga tetapi dengan menggunakan akaun masing-masing yang berasingan.

Kajian ini mencadangkan beberapa perkara kepada penggubal kandungan kursus pra-perkahwinan untuk Muslim di Malaysia untuk diambil perhatian. Pertama, bagi memantapkan lagi kursus pra-perkahwinan, penceramah yang dipilih mestilah mempunyai latar belakang dalam pengurusan kewangan Islam. Sebaik-baiknya penceramah bukanlah setakat tahu mengenai teori atau konsep pengurusan kewangan tetapi mereka juga tahu tentang akta perundangan yang berkaitan serta jenis-jenis produk yang ada disediakan oleh pasaran. Contohnya, jika penceramah bercakap tentang takaful serta kepentingannya, penceramah tahu akta yang berkaitan dengan takaful di Malaysia adalah Akta Perbankan dan Kewangan Islam (IFSA) 2013. Dia juga boleh menerangkan secara ringkas produk-produk takaful yang ada di pasaran. Kedua, membuat kerjasama strategik dengan agensi-agensi luar yang berperanan dalam menangani masalah kewangan, penyediaan produk-produk berkaitan perancangan kewangan. Rakan-rakan kerjasama ini boleh diminta untuk memberikan maklumbalas ke atas kandungan kursus pra-perkahwinan di masa akan datang. Ketiga, bagi setiap kursus pra-perkahwinan yang dijalankan, perlulah ada pihak yang berwajib untuk memantau tentang intipati yang disampaikan oleh penceramah supaya tidak lari daripada garis panduan yang ditetapkan oleh JAKIM. Disarankan juga agar kursus berkala terutama selepas perkahwinan diadakan untuk melengkapi pasangan dengan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan keluarga selepas perkahwinan.

## **6.0 KESIMPULAN**

Kursus pra-perkahwinan untuk orang Islam di Malaysia telah dibangunkan dan diwajibkan dengan objektif untuk memberikan pendedahan ilmu-ilmu berkaitan alam perkahwinan kepada pasangan yang akan berkahwin. Ia juga bertujuan untuk membantu pasangan menangani konflik perkahwinan. Topik pengurusan kewangan turut dimasukkan ke dalam kursus ini kerana masalah kewangan merupakan salah satu penyebab kepada konflik perkahwinan dan penceraian. Walaupun kajian ini membuktikan kandungan pengurusan kewangan memberikan kesan positif kepada responden, pihak bertanggungjawab masih boleh menilai semula kandungan pengurusan kewangan tersebut dengan mengambil kira cadangan yang diutarakan oleh kajian ini.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini dibiayai oleh FRGS/2/2013/SS05/UKM/02/7

## **RUJUKAN**

- Bader, E., Riddle, R., & Sinclair, C. (1981). Do marriage preparation programs really help? A five year study. *Family Therapy News*, 7, 1-10.
- Bahar, O. S. (2014), "An Overview of the Risk Factors that Contribute to Child Labor in Turkey: Implications for Research, Policy, and Practice", *International Social Work*, 57(6), 688-697.
- Bonke, J. (2008), "Income distribution and financial satisfaction between spouses in Europe", *The Journal of Socio-Economics*, 37(6), 2291-2303.
- Burgoyne, C. B.; Reibstein, J; Edmunds, A. and Dolman, V. (2007). *Money Management Systems in Early Marriage: Factors Influencing Change and Stability*, Journal of Economic Psychology, 28, pp. 214-228.
- Carroll, J. S., & Doherty, W. J. (2003). Evaluating the effectiveness of premarital prevention programs: A meta-analytic review of outcome research. *Family Relations*, 52(2), 105-118.
- Dew, J. (2011). The association between consumer debt and the likelihood of divorce. *Journal of Family and Economic Issues*, 32(4), 554-565.
- Dew, J., Britt, S., & Huston, S. (2012). Examining the relationship between financial issues and divorce. *Family Relations*, 61(4), 615-628.
- Geiss, S. K., & O'Leary, K. D. (1981). Therapist ratings of frequency and severity of marital problems: Implications for research. *Journal of Marital and Family Therapy*, 7(4), 515-520.
- Harmsworth, H. C., & Minnis, M. S. (1955). Non-statutory causes of divorce: the lawyer's point of view. *Marriage and Family Living*, 17(4), 316-321.
- Killawi, A., Fathi, E., Dadras, I., Daneshpour, M., Elmi, A., & Altalib, H. (2017). Perceptions and Experiences of Marriage Preparation among US Muslims: Multiple Voices from the Community. *Journal of Marital and Family Therapy*. doi: 10.1111/jmft.12233.
- Lee, J., and Pocock, M. L. (2007). *Intrahousehold allocation of financial resources: evidence from South Korean individual bank accounts*, Review of Economics of the Household, 5(1), 41-58. doi:10.1007/s11150-007-9004-3.
- Lemay-boucher, P., and Dagnelie, O. (2014), *The divorced financial spheres of beninese spouses*, 58(May 2012), 46-58, doi:10.1002/jid.
- Malaysia (2014). *Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima, KPKM-5*. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).
- Oropesa, R. S., Landale, N. S., and Kenkre, T. (2003), "Income Allocation in Marital and Cohabiting Unions : The Case of Mainland Puerto Ricans", *Journal of Marriage and Family*, 65(4), 910-926.
- Pahl, J. (1980), "Patterns of Money Management within Marriage", *Journal of Social Policy*, 9(03), 313 – 335. doi:10.1017/S0047279400001367.
- Pahl, J. (1995), "His Money, Her Money : Recent Research on Financial Organisation in Marriage", *Journal of Economic Psychology*, 16(3), 361-376.

- Pahl, J. (2000), "Couples and their money: Patterns of accounting and accountability in the domestic economy", *Accounting, Auditing and Accountability Journal*, 13(4), 502-517.
- Russell, M. N., & Lyster, R. F. (1992). Marriage preparation: Factors associated with consumer satisfaction. *Family Relations*, 446-451.
- Saidon, R., Ishak, A. H., Alias, B., Ismail, F. A., & Aris, S. M. (2016). Towards Good Governance of Premarital Course for Muslims in Malaysia. *International Review of Management and Marketing*, 6(8S).
- Senediak, C. (1990). The value of premarital education. *Australian and New Zealand Journal of Family Therapy*, 11(1), 26-31.
- Silliman, B., & Schumm, W. R. (1999). Improving practice in marriage preparation. *Journal of Sex & Marital Therapy*, 25(1), 23-43.
- Zainab, Wan-Ibrahim, W.A., & Asyraf H.A.R. (2014). Marital Breakdown in Muslim Community in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research* 20 (11): 1440-1444.
- Zelizer, V. (1994), *The Social Meaning of Money*. New York: Basic Books.